

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L
SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan cadangan bagi meningkatkan promosi pelancongan Chalet Kuala Mu dan Chalet Pos Yum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensi di bawahnya, Tourism Malaysia sentiasa berusaha untuk mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang berdaya saing serta mampu untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke Malaysia.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui Tourism Malaysia untuk meningkatkan promosi pelancongan di Perak terutamanya Chalet Kuala Mu dan Chalet Pos Yum adalah seperti yang berikut:

- i) Melalui pelaksanaan program *mega familiarisation trip* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan untuk menyertai acara dan program pelancongan yang diadakan di Chalet Kuala Mu dan Chalet Pos Yum. Sebagai contoh, satu lawatan suai kenal ke Chalet Kuala Mu telah diadakan

pada 6 hingga 7 Mei 2018 dan telah disertai oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada media dan agensi pelancongan tempatan. Selain itu, pada masa yang sama turut diadakan Program Kesedaran Tahun Melawat Malaysia 2020 Visit MyKampung di Kuala Mu, Sungai Siput;

- ii) Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, penghasilan Pakej Explore Kuala Mu, Pakej 4x4 Fun Nature D'Kuala Mu, Pakej Makan Durian @ Kuala Mu dan Pakej Family Bonding @ Kuala Mu;
- iii) Melalui penyertaan di dalam misi jualan atau kempen pemasaran di peringkat domestik dan antarabangsa bagi menjalin hubungan dan kerjasama rapat dalam merancakkan lagi industri pelancongan di Kawasan Sungai Siput dan Negeri Perak secara umumnya. Sebagai contoh melalui penyertaan di Internationale Tourismus – Borse (ITB) di Berlin pada 6 hingga 10 Mac 2019 bagi mempromosikan Negeri Perak kepada pelancong Eropah. Selain itu di peringkat domestik pula adalah melalui dua edisi penganjuran Tourism Malaysia Travelmart 2019 iaitu pada 14 Mac 2019 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur bersempena dengan MATTA Fair Mac Kuala Lumpur 2019 dan pada 5 September 2019 di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bersempena dengan MATTA Fair September Kuala Lumpur 2019; dan
- iv) Penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Center*) di seluruh Malaysia serta melalui laman web dan laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia.

Sekian, terima kasih.